

12 OCT 1996

Umno-Osu

MAJLIS TANAH NEGARA BINCANG RIZAB MELAYU BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Kedudukan tanah rizab Melayu akan dibincang pada mesyuarat Majlis Tanah Negara bulan depan, kata Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Haji Sukam.

Beliau berkata cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembangunan tanah rizab Melayu perlu diberi perhatian serius oleh semua kerajaan negeri kerana isu tanah adalah di bawah bidang kuasa mereka.

"Kita akan bincang perkara itu bulan depan," katanya semasa diminta mengulas ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyentuh mengenai kedudukan tanah rizab Melayu pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib pula berkata Selangor akan membuat kajian mengenai pembangunan tanah rizab Melayu.

"Selama ini kita mempertahankan kewujudan tanah rizab Melayu tetapi kini keadaan perlu diubah kerana keperluan pembangunan untuk tanah-tanah itu," katanya.

Beliau berkata di Selangor, ada tanah rizab Melayu yang telah ditukar statusnya untuk tujuan pembangunan.

Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaacob berkata tanah rizab Melayu boleh diniagakan sebagai bahan cagaran.

"Kita boleh mengkaji daripada segi syarat tanah sama ada ia boleh dijual atau minta untuk dicajkan,"katanya.

Menurut beliau walaupun orang Melayu tidak mahu menjual tanah rizabnya, mereka masih boleh mengaut keuntungan melalui hasil caj yang dikenakan terhadap tanah yang digunakan untuk pembangunan.

Khalil berkata orang Melayu kini mampu memegang tanah yang tinggi nilainya dan tidak lagi seperti dahulu apabila mereka takut tanah masing-masing tergadai atau diserahkan kepada orang lain apabila tanah dibangunkan.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata yang penting sekarang ialah bagaimana hendak membangunkan tanah rizab orang Melayu.

Di Perlis, katanya tidak ada masalah mengenai pengambilan tanah rizab orang Melayu kerana setiap hektar tanah yang diambil akan diganti dengan satu hektar juga.

Shahidan mencadangkan supaya mana-mana tanah rizab orang Melayu yang diambil haruslah diganti dengan nilai yang sama agar pemiliknya tidak rugi.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata kerajaan negeri sedang berusaha untuk membangunkan tanah rizab seluas 40 hektar di Bakar Batu di Johor Baharu.

Katanya rundingan sedang dijalankan dengan pemilik-pemilik tanah terbabit bagi membolehkannya dibangunkan dengan projek perumahan, kawasan komersil dan infrastruktur lain.

"Kita berharap satu persetujuan akan tercapai sebelum akhir tahun ini," katanya.

Rancangan itu ialah yang pertama di Johor.

Abdul Ghani berkata kawasan itu perlu dibangunkan agar ia tidak ketinggalan berbanding pembangunan pesat yang berlaku di kawasan sekelilingnya. -- BERNAMA

HS RAZ MAM MAI